

15 MAY 2000

Muhyiddin-Perpaduan

MUHYIDDIN KATA USAHA PULIHKAN PERPADUAN UMNO PERLU DISEGERAKAN

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau berpendapat langkah perlu dicari untuk memulihkan perpaduan dalam Pergerakan Wanita Umno agar keadaan tidak menjadi lebih menyulitkan.

Beliau berkata jika dilihat kepada keputusan pemilihan ketua pergerakan itu, ia menggambarkan seolah-olah terdapat garis pemisah.

Mengenai tindakan Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz membuat perubahan besar dengan menggugurkan sembilan ketua wanita negeri termasuk bekas ketua pergerakan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Muhyiddin berkata beliau tidak pasti sama ada perkara itu sudah dibincangkan pada peringkat perhubungan.

"Tetapi dilihat oleh orang ramai macam agak 'hasty'... yalah itu hak beliau (Rafidah) sebagai ketua Wanita tetapi agak seolah-olah macam 'hasty'... tergopoh-gapah, cepat sangat," kata Muhyiddin.

"Kita tidak hendak mengatakan bahawa Datuk Seri Rafidah tidak ada hak, dia ada hak untuk membuat keputusan... mungkin beliau telah mengambil kira beberapa segi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan kira-kira 20 wakil Kelab Umno luar negeri di sini.

Rafidah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, merebut semula jawatan Ketua Wanita Umno apabila mengatasi Siti Zaharah dengan 12 undi pada pemilihan pergerakan itu Rabu lepas.

Pada pemilihan 1996, Siti Zaharah, yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, mengalahkannya Rafidah dengan 27 undi.

Mengenai apa yang dikatakan masalah berpuak-puak dalam Umno Johor, Muhyiddin menyarankan supaya diadakan perbincangan antara para pemimpin Umno negeri termasuk Menteri Besar Datuk Ghani Othman dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Satu usaha perlu dibuat untuk mencari jalan supaya situasi politik di Johor dapat diperbaiki. Saya tidak mahu berselindung, memang ada masalah berdasarkan apa yang kita lihat senario politik dan keputusan pemilihan," kata Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Muhyiddin, Ghani dan Syed Hamid merupakan antara sembilan calon jawatan naib presiden dalam pemilihan parti yang diadakan pada hari pembukaan Perhimpunan Agung Umno ke-54 Khamis lepas.

Ditanya sama ada beliau akan mengambil langkah permulaan untuk berbincang, beliau berkata beliau tidak mahu perkara itu berlarutan dan bersedia pada bila-bila masa.

"Saya bersedia untuk memainkan peranan itu, terserahlah kepada rakan-rakan yang berada di Johor, mungkin tokoh veteran Umno Johor dijemput bersama dalam satu perjumpaan untuk menyelesaikan masalah ini secara ikhlas," katanya.

Mengenai saranan agar para pemimpin Umno turun padang mendampingi rakyat, Muhyiddin berkata ia perlu dijalankan secara menyeluruh melibatkan pimpinan peringkat negeri, bahagian dan cawangan.

Beliau berkata pendekatan yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno itu perlu dilancarkan secepat mungkin selepas dibincang lebih mendalam pada peringkat Majlis Tertinggi.

Katanya, perjumpaan dengan peringkat akar umbi itu tidak semestinya diadakan secara formal kerana perjumpaan tidak formal kadang-kadang lebih baik bagi menyelesaikan sesuatu isu.

-- BERNAMA

GM NMO